

22 JUL 1999

Shahnon-Tanding

SHAHNON NAK LAWAN HAMID OTHMAN DI SIK

SIK, 22 Julai (Bernama) -- Sasterawan Negara Datuk Prof Shahnon Ahmad berkata beliau sedia bertanding kerusi Parlimen Sik menentang penyandangannya, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman, pada pilihan raya akan datang.

"Saya juga anak Sik, kadang-kadang terasa nak bertanding, nak lawan dengan Hamid Othman.

"Kalau orang ramai sokong dan PAS bagi laluan, saya kena gagah (usaha) untuk bertanding," katanya pada pada satu forum anjuran parti itu di Pusat Islam Batu Lapan, di sini malam tadi.

Ini pertama kali Shahnon meluahkan hasrat untuk bertanding dalam pilihan raya dalam beberapa ceramah politik yang dihadapinya.

Shahnon, anggota seumur hidup PAS, baru-baru ini mencetuskan kemarahan banyak pihak dengan bukunya bertajuk "SHIT", satu karya yang dipenuhi kata-kata mencarut dan menghina pemimpin kerajaan.

Beliau berkata ekoran kontroversi buku SHIT itu, ada pihak yang menyarankan agar gelaran Datuk yang diberi kepadanya ditarik balik.

"Siapa yang mahu tarik gelaran itu? Gelaran itu dianugerahkan oleh Sultan Kedah yang juga merupakan sahabat baik saya, kami sama-sama bersekolah suatu ketika dahulu," katanya.

Kepada satu soalan di forum itu, Shahnon berkata beliau tidak pernah meminta maaf kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana didakwa menghina ibu Perdana Menteri dalam buku SHIT itu.

-- BERNAMA

MN MAI